

SEGERA DENGAN FAKS

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3/1Klt.31 (26)

Tarikh : 7 Mei 2014

**Ketua Pengarang
Makkal Osai**

Tuan,

MAKLUMBALAS ADUAN AKHBAR MAKKAL OSAI BERTAJUK "DUA ADIK-BERADIK KURANG UPAYA TIDAK MEMPUNYAI SIJIL LAHIR DAN KAD PENGENALAN" BERTARIKH 06 MEI 2014, SELASA – M.S: MUKA DEPAN & 13

Dengan segala hormatnya, saya diarah merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang diutarakan oleh Puan Mariamma A/P Arumugam berkenaan dua beradik iaitu Puan Chella A/P Arumugam dan Puan Katha A/P Arumugam yang tidak mempunyai sijil kelahiran dan kad pengenalan.

3. Untuk makluman, Puan Chella A/P Arumugam dan Puan Katha A/P Arumugam telah hadir ke program MyDaftar Aman Jaya, Langkap, Perak yang telah diadakan pada 04/05/2014 bagi mendapatkan penyelesaian berhubung ketiadaan dokumen pengenalan diri. Kedua beradik tersebut telah diberikan penerangan berhubung prosidur permohonan daftar lewat kelahiran. Mereka juga telah diberikan borang daftar lewat kelahiran untuk dilengkapkan dan seterusnya dikemukakan ke pejabat JPN bagi membolehkan permohonan daftar lewat kelahiran mereka diproses dan seterusnya dikeluarkan sijil kelahiran lewat sebagaimana yang diperuntukan oleh undang-undang Negara ini.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah.

Pejabat Perhubungan Awam,

Jabatan Pendaftaran Negara,
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : pro@jpn.gov.my

s.k.:
1. YBhg. Dato' KPPN
2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)
3. YBrs. Tuan TKPPN (O)
4. YBrs. Tuan TKPPN (ICT)